
LAMPIRAN 1



UniSHAMS

**PELAWAAN PERMINTAAN CADANGAN (RFP) UNTUK PENYEWAAN TAPAK ,
PENGURUSAN OPERASI DAN PEMBANGUNAN AKTIVITI REKREASI SERTA
SUKAN AIR DI TASIK UNISHAMS**

NOMBOR RUJUKAN :

UNISHAMS/2025/RFP04/PEROLEHAN

TARIKH IKLAN DIKELUARKAN:

4 SEPTEMBER 2025

TARIKH TAKLIMAT DAN LAWATAN TEMPAT:

8 SEPTEMBER 2025, PUSAT SUKAN UNISHAMS

9.30 PAGI 2025

TARIKH SERAHAN DOKUMEN :

5 OKTOBER 2025 (SEBELUM 12.00 TENGAHARI)

A. SEKSYEN A : PENGENALAN

1. PENGENALAN

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) memiliki sebuah tasik yang terletak di kawasan kampus utama di Kuala Ketil, Kedah, dengan keluasan dianggarkan **44 ekar**. Tasik ini telah lama menjadi sebahagian daripada landskap semula jadi kampus dan digunakan secara terhad untuk tujuan riadah pasif seperti berjalan kaki dan aktiviti memancing oleh komuniti kampus.

Seiring dengan usaha universiti memperkukuh peranan sebagai institusi pendidikan yang mempromosikan **gaya hidup sihat, aktiviti luar, dan pembangunan komuniti**, pihak pengurusan bercadang untuk menaik taraf kawasan tasik ini kepada **Pusat Rekreasi Komuniti dan Pusat Pembangunan Sukan Air**. Projek ini selaras dengan Pelan Strategik UniSHAMS yang menekankan pembangunan fasiliti mesra komuniti dan penjana pendapatan alternatif universiti.

2. Latar Belakang & Rasional Perkhidmatan

- 2.1. **Keperluan Peningkatan Fasiliti** – Infrastruktur sedia ada di kawasan tasik tidak lagi memenuhi keperluan semasa dari segi keselamatan, keselesaan dan tarikan kepada pelajar serta pengunjung luar.
- 2.2. **Potensi Tarikan Pelancongan Pendidikan** – Dengan lokasi strategik, tasik ini berpotensi menjadi destinasi rekreasi untuk komuniti setempat, sekolah, dan pelancong domestik.
- 2.3. **Peluang Menjana Pendapatan** – Kemudahan yang lengkap membolehkan penyewaan peralatan sukan air, pengendalian acara berkaitan, dan pakej perkhemahan yang boleh menjana pendapatan berterusan.
- 2.4. **Pembangunan Bakat Sukan Air** – Projek ini memberi ruang untuk aktiviti latihan dan pertandingan sukan air seperti kayak, dragon boat, dan aktiviti rekreasi lasak seperti flying fox & abseiling.

3. Objektif Perkhidmatan

- 3.1. Menyediakan kemudahan rekreasi dan sukan air yang moden, selamat dan mesra pengguna kepada warga kampus dan komuniti setempat.
- 3.2. Menggalakkan gaya hidup sihat melalui aktiviti riadah, senaman, dan sukan air.

-
- 3.3. Meningkatkan hubungan universiti dengan komuniti melalui perkongsian fasiliti.
 - 3.4. Mewujudkan pusat latihan dan pembangunan atlet bagi sukan air di peringkat universiti dan negeri.
 - 3.5. Menjana sumber pendapatan baharu kepada universiti melalui model sewaan, acara, dan pakej aktiviti.

4. Hasil Yang Diharapkan

- 4.1. Fasiliti tasik yang dinaik taraf sepenuhnya dan siap beroperasi mengikut standard keselamatan.
- 4.2. Peningkatan bilangan pengunjung tasik sebanyak sekurang-kurangnya **30% dalam tempoh 6 bulan** selepas siap.
- 4.3. Penubuhan program sukan air universiti secara rasmi.
- 4.4. Peningkatan hasil pendapatan tahunan universiti daripada sewaan tapak tasik.

B. SEKSYEN B : SKOP KERJA & LOKASI PERKHIDMATAN

1. Lokasi Perkhidmatan

1.1. Projek ini akan dilaksanakan di **Tasik UniSHAMS**, yang terletak di dalam kawasan kampus utama Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS), Kuala Ketil, Kedah.

1.1.1. **Koordinat GPS:** 5.7773° N, 100.7315° E (anggaran)

1.1.2. **Keluasan Tasik:** 44 ekar

1.1.3. **Kawasan Sekitar:** Laluan pejalan kaki, kawasan hijau, dan kemudahan universiti lain.

1.2. Lokasi ini mempunyai akses kenderaan yang mudah, sistem keselamatan universiti yang beroperasi 24 jam, serta kemudahan sokongan seperti tempat letak kenderaan, tandas awam dan dewan serbaguna berdekatan.

2. Skop Aktiviti Riadah dan Kemudahan Rekreasi

Skop kerja projek ini merangkumi reka bentuk, pembekalan, pemasangan, ujian, dan penyerahan kemudahan rekreasi & sukan air berikut:

Kategori	Butiran / Komponen	Kuantiti / Saiz	Catatan Standard / Spesifikasi
FASA 1 (2025) Kemudahan Rekreasi & Sukan Air	Basikal 2 seater	5 unit	Rangka keluli tahan karat
	Paddle boat / bot itik	4 unit	Kapasiti 2–4 orang
	Cabana boat	2 unit	Dengan bumbung pelindung
	Kayak TK1	5 unit	Fiberglass / HDPE
	Kayak TK2	5 unit	Fiberglass / HDPE
	Dragon boat	1 unit	Kapasiti 12 pendayung + 1 drummer
FASA 1 (2025) Peralatan Keselamatan	Helmet ABS	40 unit	CE Certified
	Life Jacket	30 unit	ISO Standard, pelbagai saiz
	Paddle untuk dragon boat & kayak	15 unit	Bahan fiberglass / kayu

FASA 2 (2026) Infrastruktur & Kemudahan Darat	Trek jogging keliling tasik dengan permukaan tahan cuaca & pencahayaan	±1000 meter	Lampu LED landskap
	Tapak perkhemahan lengkap dengan platform, plug elektrik tahan cuaca, lampu solar, air & tandas mudah alih, BBQ station, tong sampah bertutup	10 tapak	Struktur tahan cuaca, plug IP66
	Pondok rehat / cabana	4 unit	Struktur kayu atau komposit
	Pencahayaan landskap & keselamatan	Mengikut pelan kawasan	Lampu LED solar / elektrik
FASA 2 (2026) Aktiviti Tarikan Lasak	Menara Flying Fox (tinggi 12–15m) dengan tali utama, tali keselamatan, harness, figure 8, carabiner	1 set	Piawaian CE / SIRIM
	Menara Abseiling (berkongsi platform dengan Flying Fox)	1 set	Piawaian CE / SIRIM
Tarikan Visual & Estetika	High pressure fountain dengan pencahayaan LED	2 unit	Stainless steel, IP68
	Landskap sekitar tasik	Mengikut pelan kawasan	Penanaman pokok, bunga & rumput

3. **SEKSYEN C : STANDARD DAN SPESIFIKASI**

Setiap pembekal yang berminat perlu menyediakan dokumen cadangan yang mengandungi maklumat di bawah ini dan **penilaian markah akan dibuat** berdasarkan keperluan seperti berikut :

Bil	Keperluan	Butiran / Spesifikasi	Catatan
1	Profil Syarikat	<ul style="list-style-type: none"> • Nama syarikat, alamat berdaftar, nombor telefon, e-mel. • Nombor pendaftaran SSM. • Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (jika ada). • Sijil-sijil lain yang relevan (contoh: ISO, SIRIM). 	Sertakan salinan dokumen sokongan.
2	Pengalaman & Projek Terdahulu	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai projek berkaitan yang telah dilaksanakan dalam tempoh 3–5 tahun. • Nyatakan nilai kontrak, lokasi, tempoh pelaksanaan, dan pihak klien. • Gambar projek terdahulu (jika ada). 	Keutamaan diberi kepada pembekal berpengalaman dalam fasiliti rekreasi & sukan air.
3	Cadangan Teknikal	<ul style="list-style-type: none"> • Pelan reka bentuk lengkap (lukisan teknikal, <i>layout plan</i>, pelan tapak). • Spesifikasi teknikal setiap komponen (bahan, saiz, kapasiti, piawaian keselamatan) dan mengikut Skop Aktiviti Riadah dan Kemudahan Rekreasi seperti di Seksyen B, perkara 2. • Kaedah pembinaan, pemasangan dan ujian. • Pelan pengurusan risiko dan keselamatan pengguna. 	Semua peralatan keselamatan mesti mematuhi standard CE/SIRIM/MS.
4	Cadangan Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Nyatakan harga sewaan tapak/hasil keuntungan yang diberikan kepada UniSHAMS secara bulanan atau Tahunan. 	Nyatakan dalam mata wang Ringgit Malaysia (RM).

5	Jadual Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> • Carta Gantt yang menunjukkan tempoh setiap fasa kerja. • Tarikh mula & tarikh siap. • Tempoh pemasangan bagi setiap komponen. 	Projek dijangka bermula 25 Oktober 2025.
6	Senarai Peralatan & Aksesori	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai jenama & model peralatan yang dicadangkan. • Spesifikasi teknikal penuh. 	Sertakan katalog / lembaran spesifikasi.
7	Penyelenggaraan & Waranti peralatan	<ul style="list-style-type: none"> • Tempoh waranti minima bagi setiap komponen. • Jadual penyelenggaraan berkala. 	Waranti minima: 12 bulan.
8	Pasukan Pelaksana	<ul style="list-style-type: none"> • Senarai nama & kelayakan kakitangan yang terlibat. • Pengalaman kerja setiap ahli pasukan. 	Sertakan sijil atau bukti kelayakan.
9	Kebersihan dan kawalan kualiti air	<ul style="list-style-type: none"> • Pantau paras pH air. • Menguruskan sisa sampah dan memastikan tiada pembuangan sisa atau bahan kimia ke dalam tasik. • Bersihkan peralatan seperti kayak, bot itik, papan abseiling). • Larangan penggunaan racun perosak atau baja kimia di sekitar tasik. 	Sediakan papan tanda larangan membuang sampah atau air minuman ke dalam tasik
10	Lampiran Sokongan	<ul style="list-style-type: none"> • Surat sokongan / testimoni pelanggan terdahulu. • Gambar contoh produk yang dicadangkan. • Sebarang dokumen tambahan yang relevan. 	Tidak wajib, tetapi akan menambah markah penilaian.

4. SEKSYEN D : TARIKH-TARIKH PENTING

Setiap pembekal yang berminat perlu menyediakan dokumen cadangan yang mengandungi maklumat berikut:

Bil	Perkara	Tarikh / Masa	Catatan
1	Tarikh Iklan RFP	4 September 2025	Iklan dikeluarkan melalui laman web rasmi UniSHAMS dan emel jemputan kepada pembekal berkelayakan.
2	Sesi Taklimat & Lawatan Tapak (<i>Mandatory Site Visit</i>)	8 September 2025 (9.30 Pagi)	Lokasi: Pusat Sukan, UniSHAMS. Hanya pembekal yang hadir lawatan tapak dibenarkan mengemukakan cadangan.
3	Tarikh Akhir Pertanyaan Teknikal (<i>Closing Date for Enquiries</i>)	25 September 2025 (5.00 Petang)	Semua pertanyaan hendaklah dihantar melalui e-mel rasmi: pengarahpusatsukan@unishams.edu.my
4	Jawapan Rasmi kepada Pertanyaan (<i>Response to Queries</i>)	30 September 2025	Jawapan akan diedarkan kepada semua pembekal berdaftar.
5	Tarikh Tutup Penyerahan RFP	5 Oktober 2025 (sebelum 12.00 tengah hari)	Semua cadangan perlu dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan dihantar ke alamat yang dinyatakan.
6	Tarikh Mula Projek (Anggaran)	25 Oktober 2025	Tertakluk kepada kelulusan & persetujuan kontrak.

5. SEKSYEN E : CADANGAN TARIKH PENYERAHAN

5.1. Kaedah Penyerahan

5.1.1. Format Dokumen

- a) Semua cadangan hendaklah disediakan dalam **format bercetak** (hardcopy) dan **salinan digital** (PDF).
- b) Hardcopy: **1 salinan asal** (*Original*) dan **2 salinan** (*Copy*).
- c) Salinan digital hendaklah dimuatkan dalam **USB drive** atau dihantar melalui e-mel (jika saiz fail $\leq 20\text{MB}$).

5.1.2. Sampul Cadangan

- a) Semua dokumen hendaklah dimasukkan ke dalam sampul **berlakri** yang ditandakan jelas di bahagian hadapan:

NO.RUJUKAN *RFP* : UNISHAMS/2025/RFP04/PEROLEHAN

**PELAWAAN PERMINTAAN CADANGAN (RFP) UNTUK PENGURUSAN
OPERASI DAN PEMBANGUNAN AKTIVITI REKREASI SERTA SUKAN AIR DI
TASIK UNISHAMS**

5.2. Alamat Penyerahan:

Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Komersial,
Aras Bawah, Bangunan Canselori Tan Sri Ustaz Azizan Razak
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
09300 Kuala Ketil, Kedah Darul Aman
Emel: pengarahpusatsukan@unishams.edu.my
Atau bcd@unishams.edu.my

Atau boleh hubungi :
04-4991102 (Pusat Sukan)
04-4991018 (BCD)

Disediakan oleh:
Pengarah Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Komersial
dan Pengarah Pusat Sukan & Rekreasi, UniSHAMS